

Pemikiran tak seiring usia kemerdekaan

BERITA HARIAN

23/12/2018 p. 10



Dari Kaca Mata
Noor Mohamad Shakil Hameed

Timbalan Pendaftar Fakulti Kejuruteraan
Universiti Putra Malaysia (UPM)

Selama ini, kita seolah-olah begitu berbangga dengan tahap perpaduan dalam kalangan masyarakat majmuk di negara kita. Kita juga sering menjadikan peristiwa berdarah 13 Mei 1969 sebagai rujukan, panduan dan asas dalam proses pembinaan negara bangsa sehingga kini.

Betul di atas kertas dari segi teori dan juga secara zahirnya, skrip perpaduan kelihatan sangat cantik dan indah. Perpaduan kita digambarkan cukup padu dan kuat, namun hakikatnya walaupun perit, kita perlu terima kenyataan betapa tahap perpaduan kita sebenarnya senipis kulit bawang.

Ternyata, masih ramai masyarakat kita hidup dalam kepura-puraan, tidak sedar betapa mereka selama ini menipu diri sendiri. Walaupun usia kemerdekaan kita menjangkau 61 tahun, tahap pemikiran dan tindakan sebilangan masyarakat masih tidak matang dan kurang meyakinkan.

Hakikatnya, perpaduan yang cuba ditonjolkan itu hanya bersifat retorik, berbentuk aksesori atau kosmetik luaran, berpaksikan tempoh sementara dan sangat bermusim mengikut keadaan serta menjurus kepada kepentingan peribadi dan kelompok masing-masing saja.

Erti perpaduan tulen

Misalnya, kita kelihatan begitu bersatu padu ketika sesuatu program atau majlis berlangsung, tetapi selepas itu masing-masing buat hal sendiri di mana hanya bersosial dan berinteraksi dengan kelompok atau kaum mereka sahaja. Adakah ini perpaduan yang tulen?

Belum lagi soal pengasingan anak dalam sistem pendidikan seperti Sekolah Jenis Kebang-

saan Cina dan Tamil.

Sedar dan terima kenyataan betapa segala kepura-puraan dan perpaduan yang 'dibuat-buat' itu akhirnya terlondeh dan terbongkar dengan sendirinya bila berlaku sesuatu insiden yang membabitkan persoalan agama mahupun bangsa.

Ketika ini, masing-masing melupakan soal perpaduan dan kebersamaan, sebaliknya mula bertindak sebagai jaguh kaum dengan lebih mengutamakan hak kaum sendiri sahaja.

Sejak merdeka, terutama selepas insiden 13 Mei 1969, acap kali tahap perpaduan kita diuji, malah sudah banyak kejadian apabila berlaku sedikit provokasi, ia mencetuskan perbalahan antara kaum.

Ironinya walaupun tindak tanduk itu membabitkan sikap dan tingkah laku individu, tetapi kita sering mengaitkannya dengan kaum dan agama pelaku terbabit. Kejadian seperti ini tercetus apabila ada pihak yang cuba membuat provokasi melampau dengan membabitkan aspek agama dan bangsa.

Iktibar rusuhan kuil

Apa yang menyedihkan, walaupun kita menyedari tindakan provokasi sangat berbahaya, mereka masih tetap melakukannya dan ironinya kejadian seperti ini tidak pernah berhenti malah masih berterusan sehingga hari ini.

Terkini, isu rusuhan di sebuah kuil di Subang Jaya yang turut menjadi mangsa provokasi perkauman pihak tidak bertanggungjawab. Maka persoalannya sampai bila kita mahu membiarkan atau mahu melihat kejadian seperti ini terus berlaku?

Apakah kejadian seperti ini membuktikan kita masih gagal untuk ambil iktibar dan belajar daripada peristiwa hitam 13 Mei, atau apakah kita sebenarnya sudah bosan dengan keamanan yang dinikmati selama ini?

Jujurnya masyarakat semakin penat dan jemu dengan kejadian seperti ini. Berada pada usia 61 tahun sepatutnya masyarakat kita tidak boleh lagi memberi ruang untuk perkara seperti ini kerana ia boleh memusnahkan segala apa yang sudah kita bina dan nikmati selama ini.

Jangan kita terlalu taasub hingga lupa asal usul dan sejarah pembinaan negara ini.

Hidup aman pada era Malaysia Baharu

← Dari MUKA SEPULUH

Baik orang Melayu mahupun bukan Melayu, terutama generasi pascakemerdekaan, kita perlu baca dan memahami sejarah pembentukan negara dengan sejelas-jelasnya.

Fahami semangat dan roh dibawa oleh kontrak sosial yang kemudian menjadi asas pembentukan Perlembagaan Persekutuan.

Orang bukan Melayu misalnya perlu akui dan hormati kedudukan agama Islam dan bahasa Melayu, terima dengan hati terbuka kedudukan dan keistimewaan orang Melayu sebagai penduduk asal di samping kedudukan Raja Melayu sebagai ketua negeri dan negara.

Jangan sesekali mempertikai perkara ini dan tiada keperluan untuk orang bukan Melayu masuk campur dalam hal seperti ini. Orang Melayu pula perlu terima kenyataan bahawa orang India, Cina dan kaum minoriti lain sudah pun menjadi warganegara dan layak mendapat hak mereka seperti digariskan dalam Perlembagaan.

Tak perlu kita pertikaikan lagi perkara ini, apatah lagi dilabel dengan pelbagai gelaran seperti pendatang. Jika masing-masing faham dan jelas dengan hak dan kedudukan, kita yakin insiden tidak diingini tidak akan berlaku.

Tidak akan ada lagi ruang untuk golongan oportunis mengambil kesempatan dan menangkuk di air yang keruh dengan mencetuskan pelbagai provokasi yang melampau.

Tindakan segelintir rakyat kita yang baling batu sembunyi tangan ini perlu dihentikan dengan serta-merta.

Cukuplah apa yang sudah berlaku, pada era Malaysia Baharu ini kita mengimpikan kehidupan yang lebih aman, selamat dan bersatu padu. Kita perlu mempertahankan jambatan perpaduan yang ada demi membina sebuah negara bangsa yang boleh

terus maju ke hadapan.

Kebebasan ada had

Kepada individu atau kelompok yang suka bermain api dan mencetuskan provokasi perkauman, hentikan perbuatan kalian yang umpama mencurahkan minyak ke api yang marak. Ingat jangan bertindak melampau, kebebasan ada had dan batasnya.

Jangan kerana kepentingan dan agenda peribadi kita meruntuhkan jambatan perpaduan. Kita tidak mahu lagi isu agama dan bangsa dijadikan modal politik mahupun senjata untuk memecahbelahkan masyarakat.

Bertindak secara bijak dan matang, jangan sesekali menjadikan rakyat sebagai mangsa keadaan atau kambing hitam. Juga janganlah kerana marahkan nyamuk kelambu dibakar.

Mari kita hentikan segala kepura-puraan yang sudah kita lakonkan selama ini. Negara ini tidak boleh terus bertahan dan berpaut kepada perpaduan yang berbentuk kosmetik semata-mata.

Jambatan perpaduan yang sudah diwariskan kepada kita perlu dipertahankan dengan apa cara sekalipun dengan penuh keikhlasan, kejujuran dan kesepaduan yang tulen.